

# Komanwel belum hantar jawapan: PM

BR 15 SEP 1990

SUBANG, Jumaat — Kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa jika Komanwel enggan menghantar pemerhati ke negara ini sewaktu pilihanraya umum akan datang "sekiranya kita gagal mendapat persetujuan daripada semua parti politik di negara ini", kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ini disebabkan beliau masih belum menerima surat jawapan daripada parti pembangkang, sama ada mereka bersetuju dengan cadangan kerajaan untuk menjemput pemerhati pilihanraya dari Komanwel.

Katanya, beliau ada menerima surat daripada Setiausaha Agung Semangat 46, Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin yang mendakwa mewakili parti pembangkang, bahawa mereka mahu supaya ditubuhkan sebuah suruhanjaya siasatan bagi pilihanraya umum.

"Saya memberitahunya kita tidak bersetuju dengan cadangan mereka itu, sebaliknya kerajaan hanya mahu diadakan pemerhati pilihanraya, yang menjalankan tugas mengikut peraturan dan undang-undang negara.

"Sehingga sekarang, saya tidak mendapat sebarang jawapan daripada beliau (Datuk Haji Suhaimi)," katanya sewaktu ditanya mengenai perkembangan terbaru berhubung pemerhati Komanwel.

Bercakap dalam sidang akhbar di Bilik Orang Kenamaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, beliau sudah menghantar surat kepada Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyouko untuk memberitahu perkara itu.

"Kita juga menghantar surat kepada Anyouko bahawa kita

masih berminat untuk mendapat pemerhati pilihanraya dari Komanwel, melainkan Komanwel berpendapat pemerhati itu akan hanya dihantar jika parti lain bersetuju.

"Jika persetujuan itu tidak dapat dicapai dan berikutan itu, Komanwel enggan menghantar pemerhati, kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa," katanya.

Beliau menegaskan, kerajaan tetap mahu pemerhati pilihanraya dari Komanwel itu datang ke negara ini bagi menyaksikan perjalanan pilihanraya umum akan datang.

Mengenai perkembangan di Kemboja, Perdana Menteri berkata, persetujuan yang dicapai oleh kedua-dua pihak terbabit adalah satu petanda baik.

"Kita harap peperangan dapat dihentikan segera bagi membolehkan mereka mengadakan mesyuarat secepat mungkin," katanya.